



## IRSYAD

### Soalan

1. Apakah hukum jika kita membiarkan orang yang solat dengan kiblat yang salah? 2. Saya bercadang untuk pergi ke satu tempat yang jaraknya melebihi 90 km dari kediaman saya. Saya akan bertolak balik dari tempat tersebut pada hari yang sama dan akan bermalam selama satu malam di satu lagi tempat yang jaraknya 70 km dari kediaman saya. Adakah saya masih boleh solat jamak/qasar di tempat saya bermalam tersebut? 3. Saya solat secara masbuk dengan seorang lagi makmum yang datang kemudian daripada saya. Selepas salam saya dan makmum tersebut bangkit untuk menyelesaikan baki rakaat. Adakah sah solat kami sekiranya makmum yang datang kemudian tersebut menjadikan saya pula sebagai imamnya? 4. Saya pernah solat di sebelah orang yang was-was dalam bacaannya. Dia selalu mengulang-ulang bacaan (dengan suara yang kuat) al-fatihah dan tahiyatnya beberapa kali sehinggakan ketika tahiyat akhir dia masih belum habis membaca tahiyat walaupun saya telah menyempurnakan satu rakaat yang saya tertinggal dengan imam. Adakah sah solat orang tersebut? 5. Adakah orang yang terlalu was-was seperti dalam soalan 4 di atas dibenarkan untuk solat berjemaah di masjid sebab boleh mengganggu makmum yang lain? 6. Apakah hukum jika kita sujud terlalu lama di rakaat akhir sehingga imam selesai membaca tahiyat akhir? 7. Saya ada melihat terdapat imam atau makmum yang sebelum memulakan solat akan mengucapkan "assolatu jamiah rahimakumullah" sambil memaling ke kanan dan "assolatu lillahillallah" sambil memaling ke kiri. Adakah perkara tersebut memang disyariatkan dan apakah hukum melakukannya? 8. Ada orang mengatakan bahawa kepala haiwan qurban tidak boleh diberikan kepada sesiapa sebaliknya perlu dikebumikan. Adakah memang terdapat larangan tersebut? Sekian terima kasih.

### Jawapan

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan kepada *Allah Subhanahu wata'ala* atas segala nikmat dan rahmat-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*, ahli keluarga, para isteri dan sahabat baginda, serta mereka yang mengikuti jejak langkahnya hingga ke hari kiamat.

Jawapan:

#### (Soalan 1)

Menghadap kiblat adalah salah satu daripada syarat-syarat sah solat. Oleh yang demikian, menjadi satu kewajipan kepada seseorang yang melihat orang yang solat dengan kiblat yang salah untuk menegurnya sama ada dengan perbuatan atau perkataan supaya mengubahnya ke arah kanan atau ke kiri (mengikut arah kiblat yang betul).

#### (Soalan 2)

Permusafiran yang melebihi dua marhalah (81 km) mengharuskan bagi seseorang muslim untuk melakukan solat secara jamak dan qasar dengan syarat tujuan permusafiran adalah perkara yang diharuskan syarak.

Merujuk kepada situasi yang diajukan, tuan masih dikira sebagai orang yang musafir dan boleh melaksanakan solat secara jamak dan qasar di tempat tuan bermalam tersebut. Permusafiran tuan akan selesai apabila tuan sampai di qayah tuan.

#### (Soalan 3)

## IRSYAD

Dua orang makmum yang masbuk boleh menjadikan salah seorang daripada mereka untuk menjadi imam. Hal ini kerana salah seorang daripada makmum yang masbuk tersebut sudah tidak terikat dengan imam yang terdahulu setelah salam yang pertama imam. Dalam keadaan ini juga, adalah sebaiknya makmum yang berada di sebelah kiri dijadikan sebagai imam untuk meraikan peraturan solat berjemaah dan pada masa yang sama dapat mengurangkan pergerakan.

### (Soalan 4)

Mengulang-ngulang bacaan al-fatihah dalam solat kerana was-was adalah tidak menjejaskan solatnya selagimana tidak memutuskan muwalat bacaan. Begitu juga halnya mengulang-ngulang bacaan tasyahhud (tahiyyat akhir) kerana was-was juga tidak membatalkan solat. Perlu diingatkan bahawa was-was merupakan permainan dan hasutan syaitan. Seseorang itu hendaklah berusaha sedaya upaya mengurangkan penyakit was-wasnya dengan mempelajari tatacara beribadah yang betul serta memohon kepada Allah *Subhanahu wata'ala* untuk menghilangkan penyakit was-wasnya. Antara doa yang boleh diamalkan seperti dalam firman-Nya di dalam surah al-Mu'minin ayat 97-98:

وَقُلْ رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيْطَانِ \* وَأَعُوذُ بِكَ رَبَّ أَنْ يَحْضُرُونِ

Maksud: "Dan katakanlah: "Ya Tuhanku aku berlindung kepada Engkau dari bisikan-bisikan syaitan. Dan aku berlindung (pula) kepada Engkau ya Tuhanku, dari kedatangan mereka kepadaku".

Selain itu, boleh juga mengamalkan doa yang diajarkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*:

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

Maksudnya: "Wahai (Tuhan) Maha yang membolak-balikkan hatihati, tetapkanlah hatiku atas agama-Mu dan ketaatan kepada-Mu."

Berkaitan dengan permasalahan seseorang yang terlalu lama ketika membaca tahiyyat akhir sedangkan imam sudah memberi salam, maka solatnya adalah sah kerana dia tidak tertinggal 2 rukun *fil'i* (perbuatan) yang panjang daripada imam serta ikutannya terhadap imam pada ketika itu juga telah terputus dengan salam pertama imam.

### (Soalan 5)

Orang yang mengalami penyakit was was dibenarkan malah digalakkan untuk solat berjemaah di masjid kerana penyakit waswas tidak termasuk di dalam kezuran untuk tidak datang solat berjemaah di masjid. Selain itu, sebagai seorang muslim, kita juga bertanggungjawab membantu orang yang mengalami penyakit waswas ini dengan memberikan nasihat atau ilmu secara berhikmah berkenaan cara-cara menghilangkan was-was seperti yang telah dinyatakan di atas. Di samping itu, dia juga (orang yang mengalami was-was) dinasihatkan agar berada pada saf yang paling hujung ketika solat berjemaah di masjid demi menjaga keselesaan jemaah yang lain.

### (Soalan 6)

Perbuatan tersebut adalah makruh kerana makmum hendaklah mengikut perbuatan imam berdasarkan hadis Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud:

## IRSYAD

*"Sesungguhnya imam dijadikan untuk diikuti dengannya, maka apabila imam bertakbir maka hendaklah kamu semua bertakbir dan apabila ia ruku' maka hendaklah kamu ruku'".*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no.378)

Di dalam kitab Fiqh al-Manhaji dinyatakan:

*"Makmum hendaklah mengikut perpindahan imamnya dalam semua rukun fi'li. Perbuatan makmum hendaklah terkemudian daripada perbuatan imam tetapi sebelum selesai perbuatan imam tersebut. Adalah makruh bagi makmum terkemudian satu rukun daripada imamnya malah solatnya batal jika ketinggalan dua rukun yang panjang."*

Berdasarkan situasi persoalan di atas, solat makmum tersebut adalah sah namun perbuatan sujud yang terlalu lama dengan sengaja tanpa uzur syari'i sehingga imam selesai memberi salam yang pertama adalah makruh. Kemakruhan ini adalah kerana salam yang pertama imam telah menyebabkan makmum tersebut telah tertinggal satu rukun iaitu duduk tasyahhud akhir.

### (Soalan 7)

Antara adab-adab imam sebelum memulakan solat adalah sunat baginya menyuruh para jemaah merapatkan dan mengisi ruang kosong serta meluruskan saf. Terhasil sunnah ini dengan menggunakan apa-apa bahasa atau ungkapan yang boleh difahami dan menjurus kepada makna arahan meluruskan saf serta mengisi ruang-ruang kosong. Namun begitu, saranan untuk meluruskan saf ini seelok-eloknya menggunakan lafaz-lafaz yang warid (apa yang datang) daripada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* seperti berikut:

اسْتَوُوا

Maksudnya: *"Luruslah (saf) kamu semua."*

(Hadis Riwayat Muslim, no.432)

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصَّفِّ مِنْ تَمَامِ الصَّلَاةِ

Maksudnya: *"Luruskanlah barisan kamu, kerana kelurusan saf itu sebahagian dari kesempurnaan."*

JABATAN MUFTI SARAWAK

(Hadis Riwayat Muslim, no.433)

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ، فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ

Maksudnya: *"Luruskanlah barisan kamu, kerana kelurusan saf itu sebahagian dari mendirikan solat."*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no.723)



## IRSYAD

Adapun lafaz seperti yang telah diajukan dalam persoalan, ada kemungkinan imam berhasrat untuk mengingatkan para jemaah untuk solat berjemaah dan mendoakan para jemaah. Namun, lafazlafaz yang warid daripada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* seperti yang dinyatakan di atas adalah lebih utama diamalkan.

### (Soalan 8)

Daging binatang korban terbahagi kepada dua iaitu daging korban wajib dan daging korban sunat. Korban menjadi wajib disebabkan sama ada kerana nazar, wasiat atau lain-lain. Manakala korban sunat pula adalah selain daripada korban wajib seperti yang telah dinyatakan.

Berkenaan dengan pembahagian pula, daging korban wajib adalah wajib disedekahkan kesemuanya termasuk kepala binatang kepada fakir miskin serta tidak boleh dihadiahkan kepada orang kaya apalagi untuk dijual. Selain itu, tuan korban serta mereka yang berada di bawah tanggungan nafkahnya tidak boleh memanfaatkan daging korban wajib itu walaupun sedikit.

Manakala daging korban sunat pula hendaklah disedekahkan kepada fakir miskin termasuk kepala binatang dan boleh dihadiahkan kepada orang kaya. Di samping itu, orang yang melakukan korban sunat itu juga sunat memakan sedikit daripada daging korban tersebut.

Semoga Allah Subhanahu wata'ala bukan sahaja memberikan kita kefahaman pada akal, tetapi juga kemanisan iman di dalam hati. Semoga juga ilmu yang kita pelajari ini dan seterusnya dapat menjadi benteng diri di tengah kecanggihan teknologi dan arus maklumat yang pantas dan agar dengan memahami syariat dan hakikat agama, hati kita menjadi lebih tenang dan reda dalam menjalani kehidupan.

*Wallahua'lam.*

جَابِتَرِ مُفْتِي سَرَاوَقِ  
JABATAN MUFTI SARAWAK